

**Pingat: Jangan Sesiapa Cuba Lobi Saya, Titah Sultan Johor
Bernama
31 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah bahawa pengurniaan pingat dan darjah kebesaran negeri itu adalah kuasa mutlak raja yang memerintah.

Baginda bertitah pengurniaan itu adalah mengikut 'tilik pandang' baginda sendiri dan bukan cadangan daripada mana-mana pihak.

"Oleh itu, janganlah ada sesiapa yang cuba melobi saya dalam hal ini," titah baginda pada majlis Malam Johor Di Hatiku anjuran Persatuan Anak Melayu Johor (PAMJ) di sini.

Turut berangkat pada majlis santapan itu Sultanah Johor Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah.

Sultan Ibrahim turut melahirkan kekesalan baginda kerana masih ada pihak yang percaya kepada broker pingat untuk mendapatkan darjah kebesaran.

Sehubungan itu, jika ada pihak merasakan diri layak memperoleh pingat serta darjah kebesaran, mereka perlu bersabar kerana baginda dapat melihat orang yang patut menerimanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656187>